

Pelancaran Program e-Perkasa SPM Yayasan LTAT dan UPSI

Kluang, 30 Ogos - Sejumlah 969 anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang kini berada di Tingkatan 5 bakal menikmati kemudahan tuisyen percuma menerusi pelaksanaan Program e-Perkasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, program rintis itu bakal memberi manfaat kepada anak warga ATM seluruh negara sebagai persediaan menghadapi SPM tahun 2024.

Katanya, program berasaskan konsep mentor-mentee itu akan menggunakan platform digital seperti Google Meet dan Youtube Live bagi memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar terlibat.

"Hari ini kita lancarkan tuisyen e-Perkasa SPM yang dilaksanakan bersama

antara Yayasan LTAT dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kepada anak-anak warga ATM.

"Program itu merupakan satu inisiatif tuisyen secara online bagi lima subjek terpilih iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Sejarah yang ditawarkan kepada anak-anak yang akan menduduki SPM," katanya pada pemberita selepas sesi lawatan ke Kem Mahkota di Kluang, Johor hari ini.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai kerjasama bersama UPSI, Mohamed Khaled berkata, institusi pendidikan itu berjaya melahirkan ramai pendidik berkualiti selain pakar dalam lima subjek ditawarkan program berkenaan. "UPSI juga ada alumni di seluruh negara, jadi apabila ada sesi seperti latihan latih tubii, pelajar boleh buat secara bersemuka bersama mentor mereka," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Pos Malaysia hantar pulang barangan Allahyarham Nur Farah Kartini

Tanjong Malim, 29 Ogos - Selepas lebih sebulan, semua barangan milik pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Allahyarham Nur Farah Kartini Abdullah yang ditemui mati dipercayai dibunuh dihantar pulang ke kediaman keluarganya di Sarawak.

Proses penghantaran pulang dilaksanakan Pos Malaysia menerusi misi kemanusiaan pada Khamis.

Pengurus Besar Pos Malaysia Perak, Noorzuriha Haron Noh

Rashid berkata, proses membawa pulang barangan Allahyarham digerakkan terus ke Shah Alam dan dijangka tiba di kediaman ibu mangsa di Kampung Lereng Bukit, Miri pada pagi Selasa.

"Kami bersimpati dengan nasib yang menimpa Allahyarham dan keluarganya. Ini adalah sumbangan kemanusiaan Pos Malaysia buat keluarga Allahyarham," katanya dalam kenyataan di sini.

Satu majlis ringkas penyerahan barangan Allahyarham berupa pakaian, beg, buku dan pelbagai barangan peribadi dilakukan di Bangunan Canselori Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI pada Khamis.

Hadir sama, Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman dan Dekan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Profesor Madya Dr Maizatul Hayati Mohamad Yatim.



Majlis Graduasi Program Pensijilan Profesional Guru Takmir

Kuala Lumpur, 21 Ogos - Program Pensijilan profesional Guru Takmir kali pertama, UPSI menjadi tulang belakang kelas pengajian untuk menyebarkan dakwah dalam dunia semakin mencabar dengan mendidik

masyarakat untuk menghidupkan budaya ilmu melalui rujukan yang sahih serta bertanggungjawab. Kepentingan guru Takmir bagi memartabatkan peranan institusi masjid dalam penyebaran ilmu-ilmu

yang pelbagai amat bersesuaian dengan semua golongan dalam menambahkan ilmu tentang amalan sunnah Rasulullah S.A.W dan menyedari kepentingan mempelajari ilmu agama Islam itu sendiri.



Kuala Lumpur
NCDRC, FSSK Rancang Modul Dan Pengurusan Program Cuti Sekolah Tadika Bitara NCDRC



Tanjong Malim
ATM Guna Kepakaran UPSI Sebagai Fasilitator, Laksana Kursus Jurulatih



Penyelidik UPSI Cipta Modul Maya Ekspresi Kreatif Bantu Murid Hadapi Cabaran Revolusi Industri 4.0

Tanjong Malim, 20 Ogos - EasySeni adalah modul pembelajaran atau aplikasi yang tersedia dalam versi web dan *mobile* yang mencipta persekitaran pembelajaran berdasarkan kolaboratif dan konstruktivisme untuk menyokong pembentukan pengetahuan dan kemahiran seni visual yang efektif dalam kalangan murid sekolah rendah. Objektif modul ini bertujuan membangunkan ekspresi kreatif melalui proses penghasilan karya seni, kemahiran berfikir kritis dan inovatif murid peringkat sekolah rendah. Selain itu, modul turut bertujuan meneroka pengalaman pelajar melalui penerapan teknologi maklumat, komunikasi

dan multimedia. Pembangunan modul yang dinamik ini telah mengubah paradigma pendidikan, corak pemikiran, pembelajaran, dan pedagogi yang berpusatkan guru kepada pdp yang berpusat kepada murid. Modul ini merangkumi kursus seni visual dengan tema yang berbeza serta kuiz dan permainan mini untuk meningkatkan kemahiran penghasilan karya seni pelajar. Selain itu, salah satu hasil modul memerlukan pelajar untuk menghasilkan karya seni sehingga ia boleh dipamerkan dan dijual. Modul EasySeni merupakan sistem pembelajaran maya yang dapat meningkatkan keupayaan

menangani cabaran Revolusi Industri 4.0 dalam entiti pendidikan yang merupakan pendorong utama bagi menghasilkan tenaga kerja yang menepati keperluan Industri 4.0 khususnya melalui integrasi kemahiran abad ke-21 termasuklah komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis dan kreativiti.

EasySeni adalah produk hasil penyelidikan geran FRGS penyelidik-penyelidik UPSI yang dibarisi Dr Lee Hoi Yeh, TS Dr Wong Yoke Seng, Dr Norzuraina Mohd Nor, PM Dr Zahuri Khairani dan Encik Amir Hashim dengan nilai geran sebanyak RM78,050.00 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.



Tanjong Malim
Persidangan Meja Bulat: Halatuju Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami IPTTI



Sintok, UUM
Global Conference Educational Research And Practices (Gocerp)



Sintok, Kedah
Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU)



Ulu Slim
RESQ Team UPSI bantu mangsa banjir di Ulu Slim